

MAHATHIR-PENGSWASTAAN 'R'R'R'R'

1983

KUALA LUMPUR, 28 JULAI (BERNAMA)-- KAKITANGAN KERAJAAN AKAN DIBERI PELUANG MEMILIH SAMAADA INGIN KEKAL DENGAN KERAJAAN ATAU INGIN BEKERJA DENGAN MAJIKAN BARU DI BAWAH DASAR PENGSWASTAAN YANG DILANCARKAN OLEH KERAJAAN; DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN HARI INI.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN KERAJAAN TIDAK BERNIAT UNTUK MEMBURUKKAN NASIB SESIAPA DALAM MENGGUBAL DASAR ITU, MALAHAN SEMUA AKAN MENDAPAT KEUNTUNGAN.

+APA YANG DIHARAPKAN IALAH PEKERJA TIDAK CUBA MENGGUNAKAN OBJEKTIF KERAJAAN UNTUK MEMINTA LEBIH DARI HAK MEREKA, SEPERTI YANG TELAH BERLAKU DAHULU DENGAN BEBERAPA PIHAK,+ TAMBAH BELIAU SEMASA MERASMIKAN KONVENSYEN KE-16 CUEPACS DI HOTEL MERLIN DI SINI.

+JANGANLAH GANGGU PEMBANGUNAN NEGARA UNTUK RAKYAT KERANA TERLALU MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN DIRI SENDIRI ... SIKAP YANG SEDEMIKIAN AKAN MENGGANGGU PEMBANGUNAN NEGARA, DAN JIKA PEMBANGUNAN NEGARA TERGANGGU AKHIRNYA PEKERJA ITU SENDIRI YANG AKAN RUGI.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENERANGKAN RANCAGAN PENGSWASTAAN TERPAKSA DIJADIKAN SATU ALTERNATIF BAGI KERAJAAN KERANA KHIDMAT YANG DIMILIKI OLEH KERAJAAN SUDAH BERTUKAR CORAK DAN MEMERLUKAN PERBELANJAAN YANG AMAT TINGGI. -- LAGI 2150:0M

ZCZC B728:

MAHATHIR - PENGSWASTAAN 2 KUALA LUMPUR 'R'R'R'

SEBAGAI CONTOH, SATU PROJEK TELEFON YANG BESAR PADA TAHUN 1960 MEMERLUKAN KOMITMEN SEBANYAK \$10 JUTA.

BERHADAPAN DENGAN MASALAH INI, KERAJAAN MEMPUNYAI TIGA PILIHAN PERTAMA MENANGGUHKAN PEMBANGUNAN, KEDUA BERHUTANG ATAU KETIGA SERAHKAN KEPADA PIHAK SWASTA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENERANGKAN JIKA PEMBANGUNAN DITANGGUHKAN, MAKA NEGARA DAN RAKYAT TIDAK AKAN MAJU. JIKA HUTANG TERLALU BANYAK, MAKA BEBAN KEWANGAN NEGARA AKAN MENINGKAT SEHINGGA TIDAK DAPAT DIPIKUL.

PERDANA MENTERI JUGA MENJELASKAN TENTANG PERSYARIKATAN MALAYSIA YANG KATANYA BERMAKNA KHIDMAT BAIK DIBERI OLEH KAKITANGAN KERAJAAN KEPADA SWASTA KERANA KEJAYAAN MEREKA MENGUNTUNGAN NEGARA, KAKITANGAN DAN KERAJAAN.

KATANYA PARA PEKERJA KERAJAAN HARUS INGAT GAJI MEREKA DIBAYAR HASIL DARI KUTIPAN CUKAI DARI SWASTA. DARI \$6.7 RIBU JUTA BAGI MEMBIAYAI GAJI, ELAUN DAN PENCEN KAKITANGAN AWAM DALAM TAHUN 1982, SEJUMLAH \$5.2 RIBU JUTA ADALAH DARI HASIL BERBAGAI CUKAI YANG DIKENAKAN ATAS SEKTOR SWASTA.

MEMANDANG KEPADA HAKIKAT INI, TEGAS PERDANA MENTERI, AMATLAH WAJAR BAGI KAKITANGAN KERAJAAN PIHAK SWASTA DARI MENDAPAT KEUNTUNGAN AKAN MENGURANGKAN ONGKOS KERAJAAN UNTUK PERBELANJAAN KERAJAAN DAN LAIN-LAIN.

+JANGAN RASA IRIHATI JIKA KERJA KITA MENOLONG SWASTA MENDAPAT BERJUTA-JUTA RINGGIT, KERANA 45 PERATUS DARI KEUNTUNGAN MEREKA ADALAH HAK KERAJAAN. DAN KERAJAAN TIDAK MELABUR SATU SEN PUN.  
-- BERNAMA 2150/0M